

30 NOV, 2019

Melayu Suriname kekalkan budaya asal



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Melayu Suriname kekalkan budaya asal

Migrasi ke Amerika Selatan buktikan diaspora tempa sejarah serata dunia

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar  
 ctfa@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Apabila nama Pulau Christmas atau Kepulauan Cocos di Australia disebut, ramai yang tahu mengenai kewujudan komuniti Melayu di sana. Berbeza dengan Suriname di utara Amerika Selatan, tidak ramai menyedari kewujudan diaspora Melayu yang cukup besar.

Sama seperti Pulau Cocos dan Pulau Christmas, komuniti Melayu di Suriname juga berasal daripada rumpun Nusantara yang majoritinya dari Jawa.

Mereka mewakili 20 hingga 30 peratus daripada 600,000 penduduk dan masih mengamalkan adat serta budaya Melayu, malah Islam turut subur di sana.

Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write) 2013, Mohd Ghazali Abdul Rashid, berkata kewujudan diaspora Melayu di Amerika Selatan khususnya Suriname, membuka Melayu banyak menepa sejarah bukan saja di kepulauan Nusantara, bahkan di serata pelok dunia.

Mohd Ghazali atau lebih dikenali Malim Ghazali Pk, berkata, sejarah migrasi Melayu Suriname bermula apabila Belanda membawa orang Melayu dari Jawa, Andalus dan sekitar Nusantara ke Suriname itu untuk dijadikan 'buruh berhitung' di ladang tebu dan

kilang kopi sekitar 1870-an.

"Kewujudan bangsa Melayu di Suriname membawa bersama agama, budaya dan bahasa mereka, sekali gus memberi kesan langsung terhadap sosiopolitik di sana.

"Malah, fenomena migrasi Melayu ke Amerika Selatan untuk membuka ladang tebu dan kilang kopi unik dalam sejarah antara-bangsa," katanya pada Bicara Muzium: Diaspora Cocos dan Suriname di Muzium Negara, di sini.


Malim Ghazali yang pernah melakukan kajian Diaspora Melayu Suriname dan menghasilkan dokumentari *Memo Paramaribo* pada 2008 berkata, Suriname ialah bekas jajahan Belanda yang diapit British Guinea dan French Guinea.

ia mengamalkan sistem demokrasi dengan presiden sebagai ketua kerajaan dan pernah dipimpin junta tentera.

Beliau berkata, negara itu menggunakan bahasa Sranan sebagai bahasa rasmi, manakala industri mineral dan balak menjadi ekonomi teras yang membangunkan republik berkenaan.

"Dari pada 600,000 penduduk Suriname, 20 hingga 30 peratus ialah Melayu Jawa yang berkembang hasil daripada migrasi penduduk Nusantara berkenaan.

"Mereka dibawa Belanda yang menjanjikan pekerjaan sebagai buruh kontrak di ladang tebu dan



Malim Ghazali Pk (dua dari kiri) bersama Pengarah Muzium Malaysia, Masni Adeni; Pengarah Muzium Negara, Azmi Ismail (kanan) dan Pengarang Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Prof Emeritus Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh pada Bicara Muzium: Diaspora Cocos dan Suriname di Muzium Negara, baru-baru ini. (Foto Nik Hariff Hassan/BH)

kilang kopi dengan tawaran gaji lumayan.

"Namun apabila sampai ke Suriname, perkara sebaliknya berlaku hingga harapan untuk pulang ke kampung halaman terkubur berikutan jarak terlalu jauh yang memerlukan kos tinggi untuk kembali," katanya.

Malim Ghazali berkata, Melayu berketurunan Jawa di Suriname masih mengamalkan agama, bahasa dan budaya Nusantara, malah perkampungan Melayu turut dibangunkan di sekitar Paramaribo serta daerah lain di Suriname.

"Mereka hidup di perkampungan Melayu dibangunkan generasi terdahulu yang turut dilengkapkan surau dan masjid.

"Malah, orang Melayu Suri-

**Orang Melayu Suriname masih mengekalkan struktur kekeluargaan seperti masyarakat Nusantara dan komuniti mereka turut mempunyai kumpulan kompang serta hadrah.**

Malim Ghazali Pk, Penerima SEA Write 2013

name masih mengekalkan struktur kekeluargaan seperti masyarakat Nusantara dan komuniti mereka turut mempunyai kumpulan kompang serta hadrah.

"Hampir setiap perkampungan di Suriname mempunyai gelanggang silat, sekali gus meyakinkan saya bahawa seni mempertahankan diri Capoeira yang terkenal di Brazil sebenarnya bukan berasal dari Amerika Selatan.

"Sebaliknya terma 'capoeira' itu sebenarnya berasal daripada perkataan perwira, yakni pahlawan dalam leksikon Melayu," katanya.

Malim Ghazali yang pernah menjajackan kaki ke Suriname sekitar 1990-an dan kembali semula ke negara itu pada 2008, menjelaskan masyarakat Melayu di republik itu sangat meminati burung yang dipanggil picoleet, iaitu sama seperti orang Melayu Nusantara yang suka memelihara merbok.

"Mereka mengamalkan budaya dan gaya hidup seperti Melayu Nusantara, termasuk dalam hidangan makanan dan mi bakso sangat popular di sana," katanya.

Menyentuh ajaran Islam, Malim Ghazali berkata, selain gerakan dakwah dari luar, pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) dikenali sebagai Darul Istiqomah bergerak aktif di Suriname merencana hal ehwal berkaitan Islam dan mengembangkannya di republik itu.

"Apa yang saya nampak, jentera

yang agresif mengembangkan Islam di Suriname ialah persatuan silat kerana melalui ini akan terjalin percampuran komuniti Melayu, sekali gus memudahkan urusan dakwah serta memperkukuhkan Islam di negara berkenaan.

"Melayu Suriname menjadi penyumbang terbesar pengenangan Islam di republik itu dan mereka mengamalkan agama seperti yang dipraktikkan generasi terdahulu.

"Namun, ada juga gerakan dakwah dari luar yang datang untuk memperkukuhkan Islam di Suriname," katanya.

Tambahnya, Melayu Suriname sangat teguh mempertahankan tradisi, budaya dan bahasa menyebabkan jati diri Nusantara itu masih menabai dalam kelompok masyarakat terbahit.

"Namun, apa membimbangkan ialah generasi baharu dilihat semakin sukar bertutur dalam bahasa Jawa, sedikit sebanyak mengikis identiti Nusantara.

"Malah, ada dalam kalangan mereka terutama yang berpelajaran turut berhijrah ke Belanda untuk mencipta kehidupan yang lebih baik," katanya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan disaran melaksanakan inisiatif menjejak kumpulan ini atau sekurang-kurangnya mempertimbangkan dana dan sokongan kepada mereka yang berminat untuk mengkaji ketamadunan Melayu.